



Kerajaan Malaysia

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia

MPSAS 34

Penyata Kewangan Berasingan

Januari 2016

MPSAS 34 – PENYATA KEWANGAN BERASINGAN

Pengiktirafan

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 34 adalah berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) 34, *Penyata Kewangan Berasingan* Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, yang diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC) pada Januari 2015 dan digunakan dengan kebenaran IFAC.

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) 34, *Penyata Kewangan Berasingan* © Januari 2015, terbitan Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC).

Disediakan oleh:

Jabatan Akauntan Negara

No. 1, Persiaran Perdana

Kompleks Kementerian Kewangan

Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62594 Putrajaya

Tel : 03-88821000

Faks : 03-88821765

Web : <http://www.anm.gov.my>

MPSAS 34 - PENYATA KEWANGAN BERASINGAN

KANDUNGAN

	Perenggan
Objektif	1
Skop	2–5
Takrif	6–10
Penyediaan Penyata Kewangan Berasingan	11–18
Pendedahan	19–23
Peruntukan Peralihan	24–31
Tarikh Kuat Kuasa	32–33
Penarikan dan Penggantian MPSAS 6	34
Penggunaan Kaedah Ekuiti dalam Penyata Berasingan	
Penyata Kewangan Berasingan Entiti Pelaburan	

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 34, *Penyata Kewangan Berasingan*, dinyatakan dalam perenggan 1-34. Semua perenggan mempunyai kuasa yang setara. MPSAS 34 hendaklah dibaca dalam konteks objektifnya dan *Prakata untuk Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia*. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, menyediakan asas untuk memilih dan menggunakan dasar perakaunan apabila tiada panduan yang jelas.

Objektif

1. Objektif Piawaian ini adalah untuk menetapkan keperluan perakaunan dan pendedahan untuk pelaburan dalam entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu apabila entiti menyediakan penyata kewangan berasingan.

Skop

2. **Entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan di bawah asas perakaunan akruan hendaklah mengguna pakai Piawaian ini untuk perakaunan bagi pelaburan dalam entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu apabila memilih, atau dikehendaki oleh peraturan, untuk membentangkan penyata kewangan berasingan.**
3. Piawaian ini tidak menetapkan sesuatu entiti perlu menghasilkan penyata kewangan berasingan. Piawaian ini terpakai apabila entiti menyediakan penyata kewangan berasingan yang mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).
4. **Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE).**
5. *Prakata untuk Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia* yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). GBE ditakrifkan dalam MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*.

Takrif

6. **Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang ditentukan:**

Penyata kewangan disatukan ialah penyata kewangan entiti ekonomi yang merangkumi aset, liabiliti, aset bersih/ekuiti, hasil, belanja serta aliran tunai bagi entiti mengawal dan entiti dikawal dibentangkan sebagai entiti ekonomi tunggal.

Penyata kewangan berasingan ialah penyata yang dibentangkan oleh entiti yang boleh membuat pilihan, tertakluk kepada keperluan Piawaian ini, untuk mengakaunkan pelaburannya dalam entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu, sama ada pada kos, selaras dengan MPSAS 29, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* atau menggunakan kaedah ekuiti seperti yang dijelaskan dalam MPSAS 36, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama*.

Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS lain digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan diterbitkan semula dalam *Glosari Istilah yang Ditakrifkan* yang diterbitkan secara berasingan. Istilah-istilah berikut ditakrifkan dalam MPSAS 35, *Penyata Kewangan Disatukan*, MPSAS 36, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama* atau MPSAS 37, *Pengaturan Bersama: syarikat bersekutu, kawalan, entiti dikawal, entiti mengawal, entiti ekonomi, kaedah ekuiti, entiti*

pelaburan, kawalan bersama, operasi bersama, usaha sama, pengusaha niaga bersama dan pengaruh signifikan.

7. Penyata kewangan berasingan ialah penyata yang dibentangkan bersama penyata kewangan disatukan atau penyata kewangan pelabur yang tidak mempunyai entiti dikawal tetapi mempunyai pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama yang tertakluk kepada MPSAS 36 untuk diakaun menggunakan kaedah ekuiti, selain daripada keadaan yang dinyatakan dalam perenggan 9–10.
8. Penyata kewangan bagi entiti yang tidak mempunyai entiti dikawal, syarikat bersekutu atau pengusaha niaga bersama yang berkepentingan dalam usaha sama tidak dikategorikan sebagai penyata kewangan berasingan.
9. Entiti yang dikecualikan daripada penyatuan menurut perenggan 5 dalam MPSAS 35, atau menggunakan kaedah ekuiti menurut perenggan 23 dalam MPSAS 36, boleh membentangkan penyata kewangan berasingan sebagai satu penyata kewangan sahaja.
10. Entiti pelaburan yang dikehendaki, bagi keseluruhan tempoh semasa dan semua tempoh perbandingan yang dibentangkan, untuk mengukur pelaburannya dalam semua entiti dikawal pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan menurut perenggan 56 dalam MPSAS 35, membentangkan penyata kewangan berasingan sebagai satu penyata kewangan sahaja.

Penyediaan Penyata Kewangan Berasingan

11. **Penyata kewangan berasingan hendaklah disediakan menurut semua MPSAS yang berkenaan, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam perenggan 12.**
12. **Apabila entiti menyediakan penyata kewangan berasingan, entiti tersebut hendaklah mengakaunkan pelaburan yang serupa dalam entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu, sama ada:**
 - (a) **Pada harga kos;**
 - (b) **Menurut MPSAS 29; atau**
 - (c) **Menggunakan kaedah ekuiti seperti yang dijelaskan dalam MPSAS 36.**
13. **Jika entiti memilih, menurut perenggan 24 dalam MPSAS 36, untuk mengukur pelaburannya dalam syarikat bersekutu atau usaha sama pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan menurut MPSAS 29, entiti tersebut hendaklah juga mengakaunkan pelaburan tersebut dengan cara yang sama dalam penyata kewangan berasingan.**
14. **Jika entiti mengawal dikehendaki, menurut perenggan 56 dalam MPSAS 35, untuk mengukur pelaburan dalam entiti dikawal pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan menurut MPSAS 29, entiti mengawal tersebut hendaklah juga mengakaunkan pelaburan tersebut dengan cara yang sama dalam penyata kewangan berasingan. Jika entiti mengawal yang bukan merupakan entiti pelaburan dikehendaki, menurut perenggan 58**

dalam MPSAS 35, untuk mengukur pelaburan entiti pelaburan dikawal pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan menurut MPSAS 29 dan menyatukan aset dan liabiliti lain serta hasil dan belanja lain entiti pelaburan dikawal tersebut, entiti mengawal tersebut hendaklah juga mengakaunkan pelaburan dalam entiti pelaburan dikawal tersebut dengan cara yang sama dalam penyata kewangan berasingan.

15. Apabila entiti mengawal tidak lagi menjadi entiti pelaburan, atau menjadi entiti pelaburan, entiti tersebut hendaklah mengakaunkan perubahan tersebut dari tarikh perubahan status berlaku, seperti berikut:

- (a) Apabila entiti tidak lagi menjadi entiti pelaburan, entiti tersebut hendaklah mengakaunkan pelaburan dalam entiti dikawal menurut perenggan 12. Tarikh perubahan status ialah tarikh pemerolehan yang dianggap. Nilai saksama entiti dikawal pada tarikh pemerolehan yang dianggap akan mewakili pertimbangan yang dianggap yang dipindahkan apabila mengakaunkan pelaburan menurut perenggan 12.
- (b) Apabila entiti menjadi entiti pelaburan, entiti tersebut hendaklah mengakaunkan pelaburan dalam entiti dikawal pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan menurut MPSAS 29.

Perbezaan antara amaun dibawa entiti dikawal sebelumnya dengan nilai saksamanya pada tarikh perubahan status pelabur hendaklah diiktiraf sebagai laba atau rugi dalam lebihan atau kurangan. Amaun terkumpul daripada apa-apa laba atau rugi yang sebelumnya diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti berkaitan dengan entiti dikawal tersebut hendaklah dianggap seolah-olah entiti pelaburan tersebut telah melupakan entiti dikawal tersebut pada tarikh perubahan status.

16. Dividen atau pengagihan serupa daripada entiti dikawal, usaha sama atau syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata kewangan berasingan entiti apabila hak entiti tersebut untuk menerima dividen atau pengagihan yang serupa diwujudkan. Dividen atau pengagihan yang serupa diiktiraf dalam lebihan atau kurangan melainkan entiti memilih untuk menggunakan kaedah ekuiti, dan dalam hal ini dividen atau pengagihan yang serupa diiktiraf sebagai pengurangan daripada amaun bawaan pelaburan.

17. Apabila entiti mengawal menstruktur semula entiti ekonominya dengan menubuhkan entiti baharu sebagai entiti mengawal dengan cara yang memenuhi kriteria berikut:

- (a) Entiti mengawal baharu ini memperoleh kawalan daripada entiti mengawal asal sama ada (i) dengan mengeluarkan instrumen ekuiti sebagai pertukaran untuk instrumen ekuiti sedia ada di entiti mengawal asal atau (ii) melalui beberapa mekanisme lain yang membolehkan entiti mengawal baharu mempunyai kepentingan pemilikan mengawal dalam entiti mengawal asal;
- (b) Aset dan liabiliti bagi entiti ekonomi yang baharu dan entiti ekonomi yang asal adalah sama sejeurus sebelum dan selepas penstrukturan semula; dan

- (c) **Pemilik entiti mengawal yang asal sebelum penstrukturan semula mempunyai kepentingan mutlak dan relatif yang sama dalam aset bersih entiti ekonomi yang asal dan entiti ekonomi yang baharu sejurus sebelum dan selepas penstrukturan semula;**

dan entiti mengawal yang baharu mengakaunkan pelaburan dalam entiti mengawal yang asal menurut perenggan 12(a) dalam penyata kewangan berasingan, entiti mengawal yang baharu hendaklah mengukur kos pada amaun bawaan bahagian item aset bersih/ekuiti yang ditunjukkan dalam penyata kewangan berasingan entiti mengawal yang asal pada tarikh penstrukturan semula.

- 18. **Begitu juga, entiti yang bukan entiti mengawal boleh menubuhkan entiti baharu sebagai entiti mengawal dengan cara yang memenuhi kriteria dalam perenggan 17. Keperluan dalam perenggan 17 terpakai sama untuk penstrukturan semula . Dalam hal ini, "entiti mengawal yang asal" dan "entiti ekonomi yang asal" adalah merujuk kepada "entiti asal".**

Pendedahan

- 19. **Entiti hendaklah mengguna pakai semua MPSAS yang berkenaan apabila menyediakan pendedahan dalam penyata kewangan berasingan, termasuk keperluan dalam perenggan 20-23.**
- 20. **Apabila entiti mengawal, menurut perenggan 5 dalam MPSAS 35, memilih untuk tidak menyediakan penyata kewangan disatukan dan sebaliknya menyediakan penyata kewangan berasingan, entiti tersebut hendaklah mendedahkan dalam penyata kewangan berasingan tersebut:**
 - (a) **Fakta bahawa penyata kewangan tersebut ialah penyata kewangan berasingan; pengecualian daripada penyatuan telah digunakan; nama entiti bagi penyata kewangan disatukan yang mematuhi MPSAS telah dihasilkan untuk kegunaan awam; dan alamat penyata kewangan disatukan tersebut boleh diperolehi.**
 - (b) **Senarai pelaburan signifikan dalam entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu, termasuk:**
 - (i) **Nama entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu tersebut.**
 - (ii) **Bidang kuasa yang mana entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu tersebut beroperasi (jika berbeza daripada bidang kuasa entiti mengawal).**
 - (iii) **Perkadaran kepentingan pemilikan yang dipegang dalam entiti tersebut dan penerangan berkaitan penentuan kepentingan pemilikan itu .**
 - (c) **Penerangan mengenai kaedah yang digunakan untuk mengakaunkan entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu disenaraikan di bawah (b).**
- 21. **Apabila entiti pelaburan yang merupakan entiti mengawal (selain daripada entiti mengawal yang dinyatakan dalam perenggan 20) menyediakan, menurut perenggan 10,**

penyata kewangan berasingan sebagai satu penyata kewangan, entiti tersebut hendaklah mendedahkan fakta tersebut. Entiti pelaburan tersebut juga hendaklah membentangkan pendedahan yang berkaitan dengan entiti pelaburan yang dikehendaki oleh MPSAS 38, *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain*.

22. Jika entiti mengawal yang bukan merupakan entiti pelaburan dikehendaki, menurut perenggan 56 dalam MPSAS 35, untuk mengukur pelaburan entiti pelaburan dikawal pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan menurut MPSAS 29 dan menyatukan aset dan liabiliti lain serta hasil dan belanja lain entiti pelaburan dikawal, entiti mengawal hendaklah mendedahkan fakta tersebut. Entiti tersebut juga hendaklah membentangkan pendedahan yang berkaitan dengan entiti pelaburan yang dikehendaki oleh MPSAS 38, *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain*.
23. Apabila entiti mengawal (selain daripada entiti mengawal yang dinyatakan dalam perenggan 20-21) atau pelabur yang mempunyai kawalan bersama, atau pengaruh signifikan terhadap penerima pelaburan, menyediakan penyata kewangan berasingan, entiti mengawal atau pelabur tersebut hendaklah mengenal pasti penyata kewangan yang disediakan menurut MPSAS 35, MPSAS 36 atau MPSAS 37, yang berkaitan dengannya. Entiti mengawal atau pelabur tersebut juga hendaklah mendedahkan dalam penyata kewangan berasingan:
 - (a) Fakta bahawa penyata tersebut ialah penyata kewangan berasingan dan sebab penyata tersebut disediakan, jika tidak dikehendaki oleh undang-undang atau pihak berkuasa yang lain.
 - (b) Senarai entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu signifikan, termasuk:
 - (i) Nama entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu tersebut.
 - (ii) Bidang kuasa yang mana entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu tersebut beroperasi (jika berbeza dengan entiti mengawal).
 - (iii) Perkadaran kepentingan pemilikan yang dipegang dalam entiti tersebut dan penerangan berkaitan penentuan kepentingan pemilikan itu .
 - (c) Penerangan mengenai kaedah yang digunakan untuk mengakaunkan entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu disenaraikan di bawah (b).

Peruntukan Peralihan

24. Pada tarikh penggunaan awal, entiti pelaburan yang sebelumnya mengukur pelaburan dalam entiti dikawal pada harga kos hendaklah sebaliknya mengukur pelaburan tersebut pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan seolah-olah keperluan Piawaian ini sentiasa efektif. Entiti pelaburan tersebut hendaklah melaraskan secara retrospektif tempoh tahunan terdekat sebelum tarikh penggunaan awal dan hendaklah melaraskan lebihan/kurangan terkumpul pada permulaan tempoh terdekat sebelumnya itu bagi sebarang perbezaan antara:

- (a) **Amaun bawaan pelaburan sebelumnya; dan**
 - (b) **Nilai saksama pelaburan oleh pelabur dalam entiti dikawal.**
25. **Pada tarikh penggunaan awal, entiti pelaburan yang sebelumnya mengukur pelaburan dalam entiti dikawal pada nilai saksama ke atas aset bersih/ekuiti hendaklah terus mengukur pelaburan tersebut pada nilai saksama. Amaun terkumpul bagi sebarang pelarasan nilai saksama yang sebelumnya diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti hendaklah dipindahkan ke lebihan/kurangan terkumpul pada permulaan tempoh tahunan sejurus sebelum tarikh penggunaan awal.**
26. **Pada tarikh penggunaan awal, entiti pelaburan hendaklah tidak membuat pelarasan kepada perakaunan sebelumnya bagi kepentingan dalam entiti dikawal yang telah dipilih untuk diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan menurut MPSAS 29, seperti yang dibenarkan dalam perenggan 12.**
27. **Entiti pelaburan tersebut hendaklah menggunakan amaun nilai saksama yang dilaporkan sebelumnya kepada pelabur atau pihak pengurusan.**
28. **Jika mengukur pelaburan dalam entiti dikawal menurut perenggan 24-27 adalah tidak praktikal untuk dilaksanakan (seperti yang ditakrif dalam MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*), entiti pelaburan hendaklah mengguna pakai keperluan Piawaian ini pada permulaan tempoh terawal yang mana penggunaan perenggan 24-27 dapat dipraktikkan, yang mungkin merupakan tempoh semasa. Pelabur hendaklah melaraskan secara retrospektif tempoh tahunan sejurus, sebelum tarikh penggunaan awal, melainkan permulaan tempoh terawal penggunaan perenggan ini yang dapat dipraktikkan ialah pada tempoh semasa. Apabila tarikh yang praktikal untuk sesuatu entiti pelaburan mengukur nilai saksama bagi entiti dikawal adalah lebih awal daripada permulaan tempoh sejurus sebelumnya, pelabur hendaklah melaraskan aset bersih/ekuiti pada permulaan tempoh sejurus sebelumnya bagi sebarang perbezaan antara:**
- (a) **Amaun bawaan pelaburan sebelumnya; dan**
 - (b) **Nilai saksama pelaburan oleh pelabur dalam entiti dikawal.**

Sekiranya tempoh terawal yang mana penggunaan perenggan ini dapat dipraktikkan ialah tempoh semasa, pelarasan untuk aset bersih/ekuiti hendaklah diiktiraf pada permulaan tempoh semasa tersebut.

29. **Jika sesuatu entiti pelaburan telah melupakan, atau hilang kawalan ke atas suatu pelaburan dalam entiti dikawal sebelum tarikh penggunaan awal Piawaian ini, entiti pelaburan tersebut tidak dikehendaki untuk membuat pelarasan ke atas perakaunan sebelumnya untuk pelaburan tersebut.**
30. **Pada tarikh penggunaan awal, entiti mengawal yang bukan merupakan entiti pelaburan tetapi dikehendaki, menurut perenggan 56 dalam MPSAS 35, untuk mengukur pelaburan entiti**

pelaburan dikawal pada nilai saksama melalui lebih atau kurang menurut MPSAS 29 dan menyatukan aset dan liabiliti lain serta hasil dan belanja bagi entiti pelaburan dikawal tersebut, hendaklah menggunakan peruntukan peralihan dalam perenggan 24-29 dalam perakaunan untuk pelaburan dalam entiti pelaburan dikawal tersebut dalam penyata kewangan berasingan.

31. Peruntukan peralihan untuk perubahan dalam perakaunan bagi penyata kewangan berasingan entiti untuk kepentingan dalam operasi bersama dinyatakan dalam MPSAS 37, *Pengaturan Bersama*.

Tarikh Kuat Kuasa

32. **Entiti hendaklah mengguna pakai Piawaian ini untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari, 2017. Penggunaan lebih awal adalah digalakkan. Jika entiti mengguna pakai Piawaian ini untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari, 2017, entiti tersebut hendaklah mendedahkan fakta tersebut dan mengguna pakai MPSAS 35, MPSAS 36, MPSAS 37, dan MPSAS 38 pada masa yang sama.**
33. Apabila entiti menggunakan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, *Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Berasaskan Akruan* untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai untuk penyata kewangan tahunan entiti tersebut yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.

Penarikan dan Penggantian MPSAS 6

34. Piawaian ini dikeluarkan serentak dengan MPSAS 35. Bersama-sama, kedua-dua Piawaian ini menggantikan MPSAS 6, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*. MPSAS 6 masih terpakai sehingga MPSAS 34 dan MPSAS 35 digunakan atau dikuatkuasakan, mana yang lebih awal.

Perbandingan dengan IPSAS 34

MPSAS 34, *Penyata Kewangan Berasingan* diambil terutamanya daripada IPSAS 34. Perbezaan utama antara MPSAS 34 dan IPSAS 34 adalah seperti berikut:

- Dalam perenggan 5, MPSAS 34 menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh MASB, sedangkan IPSAS 34 menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai IFRS yang dikeluarkan oleh IASB.